

# Kerajaan tidak tunduk kepada keganasan

BH - 3 JUN 2001

Oleh ZAINUDIN ISA dan WAN ESURIYANTI WAN AHMAD

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak sekali-kali akan tunduk kepada keganasan, demonstrasi jalanan, tekanan dan taktik kotor setengah pihak yang hanya berjuang untuk kepentingan diri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan yang ada sekarang dilantik mengikut proses demokrasi menerusi pilihan raya.

"Ini adalah cara kita dan sebarang rasa tidak puas hati di kalangan mana-mana pihak bolehlah dibawa menerusi pilihan raya dan bukannya melalui cara-cara yang menyalahi undang-undang dan perlembagaan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah dan pingat kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan akan bertindak tegas tanpa kompromi terhadap mana-

mana pihak dalam tugas mempertahankan negara daripada sebarang ancaman.

Beliau berkata, meskipun ada antara tindakan kerajaan tidak disenangi sesetengah pihak, termasuk kerajaan asing, ia tidak memberi tekanan kepada kerajaan dalam mentadbir negara.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, menjadi tanggungjawab kerajaan memastikan rakyat hidup dalam kemakmuran, menikmati keadilan serta kesejahteraan negara.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana keadaan di negara lain apabila rusuhan menjadi amalan bagi menjatuhkan kerajaan.

Katanya, apabila sesuatu kerajaan dilantik rakyat, mereka yang kalah akan merusuh dan berdemostrasi untuk menjatuhkan kerajaan.

"Apabila kerajaan yang dilantik itu jatuh dan diganti dengan kerajaan yang satu lagi, penyokong kerajaan yang digulingkan pula akan merusuh untuk menjatuhkan kerajaan yang ada.

"Tidak akan ada satu pun kerajaan yang kekal dan segala usaha untuk membangunkan dan memajukan negara akan terhenti. Dengan ini nasib rakyat sudah

tentu tidak akan terbela, ekonomi akan jatuh dan negara akan terus porak peranda," katanya.

Perdana Menteri berkata, sementara kerajaan dituduh tidak demokratik, tidak menghormati kebebasan bersuara dan hak individu, hak majoriti adalah lebih utama daripada kebebasan yang tidak bertanggungjawab oleh individu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan tetap memastikan hubungan dan perpaduan sesama kaum terus rapat dan akrab.

"Kita juga akan terus berusaha menyatupadukan orang Melayu yang terpisah berikutan jurang perbezaan fahaman politik," katanya.

Mengenai hubungan luar negara, Perdana Menteri berkata ia berada di tahap amat membe-rangsangkan.

Malaysia, katanya, terus dihormati kerana dasar luarnya yang tegas mempertahankan hak negara membangun dan menentang ketidakadilan serta penindasan ke atas negara lemah.

"Ini sedikit-sebanyak memperkukuhkan pengaruh kita di kalangan negara lemah dan mer-

deka di samping mempererat-kan lagi hubungan dengan mereka," katanya.

Beliau berkata, walaupun tidak disenangi banyak pihak, termasuk media asing yang sering mengkritik negara, Malaysia tetap menerima kunjungan ketua pelbagai negara membangun dan negara ini diiktiraf sebagai sebuah negara Islam unggul.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata pertumbuhan ekonomi tahun ini dijangka pada tahap antara lima dan enam peratus berikutan kelembapan ekonomi dunia akibat kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat.

Beliau berkata, kerajaan sedang dan telah mengambil beberapa langkah mengurangkan kesan ini seperti menggalakkan pelaburan tempatan, meningkatkan penggunaan pelaburan dan lapangan terbang selain mempercepatkan pembangunan infrastruktur.

"Kerajaan juga telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM3 bilion untuk pembangunan infrastruktur, termasuk sekolah, kolej komuniti dan perumahan," katanya.